

# Bengkel (28 - 29 / 10 / 2009) Pegawai Perhubungan Perpustakaan

## BENGKEL PEGAWAI PERHUBUNGAN PERPUSTAKAAN PTAR & PERPUSTAKAAN CAWANGAN 2009

Bengkel ini telah diadakan pada 28hb. sehingga 29hb. Oktober 2009 bertempat di Bilik Seminar PTAR 1. Seramai 16 Pustakawan Cawangan dan 37 Pustakawan PTAR telah menghadiri bengkel ini.

Bengkel selama dua hari ini diadakan adalah bertujuan memberikan pendedahan dan kemahiran-kemahiran yang diperlukan oleh Pegawai Perhubungan Perpustakaan di dalam menjalankan tugas sebagai Pegawai Perhubungan Perpustakaan dimana mereka perlu berurusan dan menjalankan kerjasama bersama pihak fakulti dan pelajar. Penceramah-penceramah jemputan dari organisasi luar telah memberikan ceramah mengikut bidang kepakaran masing-masing.

Di samping itu, di dalam bengkel ini juga turut dilakukan pemantapan Modul Kemahiran Maklumat di mana sebanyak 6 Modul telah dibina iaitu:

1. Modul Taklimat Perpustakaan
2. Modul Asas Kemahiran Perpustakaan
3. Modul Kemahiran Penyelidikan Di Perpustakaan
4. Modul Kemahiran Mengakses Pangkalan Data Atas Talian
5. Modul Pengaksesan Koleksi Digital
6. Modul Kemahiran Pengaksesan Maklumat Melalui Internet

Bengkel ini telah mendapat sambutan dan maklumbalas yang memberangsangkan di mana ianya turut dihadiri oleh Ketua-ketua Jabatan PTAR. Penghasilan Modul Kemahiran Maklumat di dalam bengkel ini akan digunakan oleh semua Perpustakaan Fakulti dan Perpustakaan Cawangan mengikut kesesuaian perkhidmatan dan kemudahan yang terdapat di perpustakaan masing-masing.

